

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- i. Jangkitan virus Zika yang dijangka di Malaysia sekiranya ia menjadi pandemik, dan jangkitan microcephaly di Malaysia dan kemungkinan peningkatannya; dan
- ii. Berapakah nilai peruntukan kecemasan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menghadapi virus Zika ini berbanding dengan USD 1.8 bilion yang diminta oleh Presiden Obama di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya maklumkan bahawa nyamuk Aedes selain menyebarkan penyakit demam Denggi, ianya juga menyebarkan virus untuk Chikungunya, Yellow Fever dan sekarang virus Zika. Maka Malaysia adalah berisiko tinggi untuk berlakunya kejadian kes dan wabak Zika kerana kehadiran nyamuk Aedes di negara ini.

Bagi menjawab pertanyaan berkenaan kecacatan *microcephaly* di Malaysia, hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia kejadian kes kecacatan *microcephaly* tidak menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 2007 hingga 2014, sebanyak 433 kes telah dilaporkan sepanjang tempoh berkenaan dengan purata 61 kes setahun dan tiada dari kes *microcephaly* ini menunjukkan ianya disebabkan oleh jangkitan Zika.

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai peruntukan kecemasan yang disediakan oleh Kerajaan pada tahun 2016 untuk menghadapi kemungkinan jangkitan virus Zika adalah sebanyak RM 10,000,000, yang diperuntukkan untuk membeli peralatan dan kelengkapan bagi memperkukuhkan surveilans makmal, kawalan vektor nyamuk *Aedes* dan aktiviti saringan di pintu masuk negara. Manakala masih terdapat kos tambahan yang ditanggung oleh kerajaan bagi bayaran emolument anggota dan sumber bagi melaksanakan kawalan nyamuk *Aedes* bersekali dengan jangkitan Denggi di semua peringkat diseluruh Negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menangani wabak zika dari menular di Malaysia. Peruntukan tersebut merangkumi peruntukan bagi pembelian *reagen* yang diperlukan untuk menjalankan ujian-ujian *real time*, menjalankan proses *ektstrasi RNA virus Zika* daripada serum sebelum ujian dijalankan dan juga untuk penjujukan DNA virus Zika melalui dua kaedah iaitu *sanger sequencing* untuk *fragment* pendek manakala NGS adalah untuk keseluruhan virus. Manakala keperluan peruntukan aset adalah bagi meningkatkan kecekapan dalam mengukur sample yang tinggi termasuk saringan-saringan di pintu-pintu masuk utama negara.